



Headline	Mimos tandatangani MoU dengan 13 syarikat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Nov 2011	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	197,952
Page No	L-21	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	120 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,564
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,255



## Mimos tandatangani MoU dengan 13 syarikat

PUTRAJAYA 29 Nov. - Syarikat inovasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kerajaan, Mimos Berhad (Mimos), hari ini menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) bersama 13 syarikat dan universiti bagi berkongsi perkhidmatan analisis kegagalan dan ujian wafer.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Jonity Ongkili berkata, menerusi perjanjian itu, semua syarikat dan universiti terbabit akan menggunakan kepakaran teknologi dan penyelesaian daripada Mimos.

Katanya, ia sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan syarikat tempatan terhadap negara luar dalam menjalankan analisis dan ujian melibatkan sektor elektrik dan elektronik.

"Sebelum ini syarikat tempatan banyak menggunakan kepakaran teknologi dari negara seperti Jepun, Taiwan, Singapura dan China terutamanya melibatkan analisis kegagalan dan ujian wafer.

"Bagaimanapun, menerusi teknologi

yang sudah wujud di Mimos ini ia dapat menjimatkan sehingga 35 peratus kos setahun bagi sesuatu produk," katanya pada sidang akhbar selepas menyaksikan majlis MoU tersebut di sini.

Turut hadir Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Semua pihak yang terlibat dalam MoU itu mewakili lima kluster berbeza iaitu perkilangan, perundingan, penyelidikan dan pembangunan, peralatan dan kimia rekaan fables serta pendidikan.

Menurut Maximus, kesemua ujian dan analisis itu akan dijalankan di sebuah makmal khas yang dimiliki oleh Mimos.

"Fasa pertama makmal ini siap pada tahun ini di mana ia berperanan untuk menjalankan ujian asas sahaja, bagaimanapun untuk fasa kedua ini ia mampu untuk menjalankan ujian wafer.

"Untuk fasa kedua ini penyediaan makmal tersebut membabitkan kos sebanyak RM19 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan," katanya.